

# Timbalan Ke-2 tidak timbul



DR. MAHATHIR

## Penjelasan Dr Mahathir

Oleh NAZAR ABDUL

ALOR SETAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, tidak perlu sebarang perbalahan mengenai cadangan mewujudkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua kerana "masalah tersebut tidak timbul".

Bercakap kepada pemberita di kediamannya di Titi Gajah di sini petang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Apa guna ditimbulkan perkara ini kerana masalah tersebut tidak berangkai".

Perdana Menteri membuat penjelasan demikian ketika diminta mengulas mengenai perbalahan antara Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin dan Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua.

Bellau berkata, tidak ada apa faedah yang boleh diperolehi melalui perbalahan mulut mengenai cadangan tersebut yang diluluskan di perhimpunan Pemuda MCA baru-baru ini.

Ditanya sama ada bellau setuju menemui Datuk Lee dan Datuk Haji Suhaimi untuk menyelesaikan isu tersebut, bellau berkata, bellau akan menemui mereka jika mereka mahu berbuat demikian.

### Beri nasihat

Datuk Lee dikatakan sedang mengatur satu pertemuan dengan Perdana Menteri untuk membincangkan perkara tersebut manakala Datuk Haji Suhaimi, yang juga Timbalan Menteri Pelejaran, membida Ketua Pemuda MCA itu kerana mengulangi desakan isu itu sedangkan Perdana Menteri telah menfatkan isu tersebut sebagai "tidak timbul".

Ditanya sama ada Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan akan menemui bellau untuk membincangkan masalah perasannya di dari politik, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, bellau akan mendapat penjelasan perkara tersebut jika bellau bertemu dengan Datuk Haji Jaafar kelak.

Datuk Haji Jaafar kini sedang bercuti rehat setelah menjalani pembedahan saluran darah ke jantungnya awal tahun ini.

Menyentuh tentang pergaduhan antara polis dan tentera di Kangar baru-baru ini, Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata, perkara tersebut akan diselesaikan mengikut amalan-amalan pentadbiran yang biasa.

Bellau berkata, bellau akan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat mengenai saluran-saluran yang sedia ada dalam pasukan polis dan tentera.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka akan menerima kunjungan Pemuda MCA Malaysia mengenai isu jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua seawal-lewatnya bulan depan.

Menurut sumber-sumber yang rapat, Perdana Menteri telah menerima pada dasarnya untuk menemui Pemuda MCA bagi membincangkan isu tersebut tetapi tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Menurut sumber-sumber tersebut, kesediaan Pengurus Barisan Nasional itu menerima kunjungan Pemuda MCA itu "semata-mata untuk menasihatkan seorang anak supaya jangan meminta perkara yang bukan-bukan".

Ini disebabkan bellau tidak mahu perkara tersebut diungkit-ungkit lagi kerana boleh menjejaskan kestabilan dalam komponen BN sendiri.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai, ketika dihubungi memberitahu, bellau gembira dengan keputusan Perdana Menteri untuk berjumpa dengan rombongannya.

Begaimanapun, katanya, pihaknya setakat ini belum menerima berita rasmi mengenai perjumpaan tersebut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia